

## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	23/4/2019
JABATAN	:	KATS
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>

# 74 peratus sempadan darat antarabangsa dimuktamad

➔ Rundingan selesai pertikaian antara negara jiran tunjuk perkembangan positif

✦ Bangi

Malaysia sudah memuktamadkan 74 peratus jarak sempadan antarabangsa darat negara dengan Thailand, Indonesia dan Brunei pada tahun lalu.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar, berkata ia merangkumi 2,431 kilometer (km) daripada sejumlah 3,257 km, me-

lalui projek penandaan dan pengukuran sempadan darat, serta antarabangsa Malaysia.

Selebihnya, iaitu 826km atau 26 peratus belum dimuktamadkan kerana proses rundingan masih berjalan, berikutan terdapat isu tuntutan wilayah yang bertindih dengan negara jiran.

## Sembilan kawasan jadi pertikaian

"Rundingan menyelesaikan isu sempadanan darat di sembilan kawasan yang masih menjadi pertikaian antara Malaysia dan Indonesia ini menunjukkan perkembangan positif," katanya selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018 ke menteriannya di sini, semalam.

Pada majlis itu, 854 pegawai jabatan dan agensi di bawah Kementerian menerima APC, 21 menerima Anugerah Lama Berkhidmat,

manakala dua projek menerima Anugerah Khas Menteri, kerana memberi sumbangan yang bermakna kepada perkhidmatan awam dan negara.

Dua projek itu adalah Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Darat Negeri dan Antarabangsa, serta Peta Baru Malaysia dan Projek Pengubalan Rang Undang-Undang Sumber Air.

## Lima kawasan masih dalam rundingan

Dalam perkembangan berkaitan kata Dr Xavier, lima kawasan yang masih dalam rundingan ialah di sektor Sabah-Kalimantan Utara, dan empat lagi kawasan di sektor Sarawak-Kalimantan Barat.

"Bagi sempadan Malaysia-Thailand, anggaran kawasan sepanjang 4km di Bukit Jeli, belum dapat diselesaikan dan masih dalam proses rundingan antara kedua-dua nega-

ra.

"Sementara itu, kerja penandaan dan pengukuran sedang giat dijalankan secara bersama, bagi sempadan Malaysia-Brunei," katanya.

Beliau turut memuktamadkan, kerajaan sudah memuktamadkan sempadan maritim sepanjang 3,990km atau 69 peratus daripada jumlah keseluruhan sepanjang 5,749km dan selebihnya masih dalam proses rundingan, kerana terdapat tuntutan wilayah maritim yang bertindih.

"Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) menghadapi cabaran getir menzahirkan kedaulatan sempadan negara di perairan Malaysia, seperti Laut China Selatan, Selat Melaka dan Laut Suluwesi.

"Kedaulatan negara di kawasan ini akan sentiasa dicabar oleh negara jiran, kerana khazanah lautnya kaya dengan petroleum dan gas asli," katanya.



Bagi sempadan Malaysia-Thailand, anggaran kawasan sepanjang 4km di Bukit Jeli, belum dapat diselesaikan dan masih dalam proses rundingan antara kedua-dua negara"

**Dr Xavier Jayakumar,**  
Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli

BERNAMA

